

Bab 4

Analisis Dapatan

Pengenalan

Bab ini akan menjawab soalan-soalan kajian yang dikemukakan. Analisis yang dilakukan adalah terhadap pencapaian pelajar Pusat Pengajian Kejuruteraan, USM sebelum dengan selepas pendedahan kursus LKM 400 (Bahasa Malaysia IV) dari segi keseluruhan, isi, organisasi dan bahasa di kalangan Kumpulan Pelajar Melayu (KPM) dan Kumpulan Pelajar Bukan Melayu (KPBM). Analisis data yang digunakan ialah ujian t.

Hipotesis null bagi ujian t ialah tiada perbezaan pencapaian di kalangan Kumpulan Pelajar Melayu (KPM) dan Kumpulan Pelajar Bukan Melayu (KPBM) sebelum dengan selepas pengajaran kursus LKM 400 (Bahasa Malaysia IV). Hipotesis alternatif bagi ujian t pula ialah pencapaian pelajar adalah lebih baik selepas pendedahan kursus LKM 400 (LKM 400) ini diberikan.

Pencapaian Keseluruhan Karangan Jenis Perbincangan Di Kalangan KPM Dan KPBM Sebelum Dengan Selepas Pengajaran

S 1 : Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan KPM dan KPBM dari segi keseluruhan karangan jenis perbincangan sebelum dengan selepas pengajaran ?

Jadual 4.1 : Perbezaan Antara Min Markah Keseluruhan Praujian dengan Pascaujian Bagi KPM Dan KPBM

Markah	Min	Sisihan Lazim	Perbezaan Min	t	p
Keseluruhan 1	52.06	5.68	16.89	20.46	0.00
Keseluruhan 2	68.96	4.89			

Jadual 4.1 menunjukkan bahawa min markah bagi praujian = 52.06 dan min markah bagi pascaujian ialah 68.96, nilai t = 20.46 dan nilai p < 0.05. Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara praujian dengan pascaujian. Dengan kata lain, pencapaian pelajar adalah lebih baik selepas pendedahan kursus LKM 400 diberikan. Ini dapat dilihat dengan jelas pada min markah yang diperoleh oleh kedua-dua kumpulan (KPM dan KPBM) semasa praujian dengan pascaujian dari segi keseluruhan karangan jenis perbincangan. Perbezaan min antara praujian dengan pascaujian sangat besar iaitu 16.89 iaitu satu peningkatan yang agak memuaskan.

Pencapaian Dari Segi Isi Karangan Jenis Perbincangan Di Kalangan KPM Dan KPBM Sebelum Dengan Selepas pengajaran

S 2 : Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan KPM dan KPBM dari segi isi karangan jenis perbincangan sebelum dengan selepas pengajaran ?

Jadual 4.2 : Perbezaan Antara Min Markah Isi Praujian dengan Pascaujian Bagi KPM Dan KPBM

Markah	Min	Sisihan Lazim	Perbezaan Min	t	p
Isi 1	5.59	0.74	1.77	11.41	0.00
Isi 2	7.36	1.11			

Jika dilihat pada jadual 4.2, perbezaan min antara praujian dengan pascaujian ialah 1.77 , nilai $t = 11.41$ dan $p = 0.00$. Ini jelas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara praujian dengan pascaujian dari segi isi karangan jenis perbincangan di kalangan KPM dan KPBM. Walaupun demikian, perbezaan min markah antara praujian dengan pascaujian adalah agak rendah. Ini membayangkan bahawa selepas kursus LKM 400 didedahkan kepada para pelajar, hanya terdapat sedikit peningkatan dari segi isi. Hal ini mungkin disebabkan oleh kurangnya penguasaan terhadap tajuk karangan yang diberikan.

*Pencapaian Dari Segi Organisasi Karangan Jenis Perbincangan Di Kalangan KPM
Dan KPBM Sebelum Dengan Selepas Pengajaran*

S 3 : Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan KPM dan KPBM dari segi organisasi karangan jenis perbincangan sebelum dengan selepas pengajaran ?

Jadual 4.3 : Perbezaan Antara Min Markah Organisasi Praujian dengan Pascaujian Bagi KPM Dan KPBM

Markah	Min	Sisihan Lazim	Perbezaan Min	t	p
Organisasi 1	10.77	1.10	3.14	14.54	0.00
Organisasi 2	13.90	1.42			

Dalam jadual 4.3 jelas menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dari segi organisasi antara praujian dengan pascaujian. Min markah bagi praujian = 10.77 dan pascaujian pula ialah 13.90 , nilai t = 14.54 dan nilai p < 0.05. Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dari segi organisasi antara praujian dengan pascaujian. Kedua-dua kumpulan pelajar iaitu KPM dan KPBM telah mencapai markah yang lebih tinggi dalam pascaujian berbanding praujian dari segi organisasi.

Pencapaian Dari Segi Bahasa Karangan Jenis Perbincangan Di Kalangan KPM Dan KPBM Sebelum Dengan Selepas Pengajaran

S 4 : Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan KPM dan KPBM dari segi bahasa karangan jenis perbincangan sebelum dengan selepas pengajaran ?

Jadual 4.4 : Perbezaan Antara Min Markah Bahasa Praujian dengan Pascaujian Bagi KPM Dan KPBM

Markah	Min	Sisihan Lazim	Perbezaan Min	t	p
Bahasa 1	35.72	5.36	11.99	16.20	0.00
Bahasa 2	47.70	4.41			

Jadual 4.4 menunjukkan bahawa perbezaan min antara praujian dengan pascaujian = 11.99, nilai t = 16.20 dan nilai p = 0.00. Nilai p < 0.05 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi pencapaian pelajar KPM dan KPBM dari segi bahasa sebelum dengan selepas pengajaran.. Jadual ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang agak ketara bagi pencapaian bahasa pelajar selepas pendedahan kursus LKM 400 diberikan. Hal ini mungkin disebabkan para pelajar telah mendapat manfaat daripada pengajaran rumus-rumus tatabahasa serta latihan-latihan yang relevan yang diberikan semasa pengendalian kursus ini. Pencapaian markah bahasa yang agak tinggi dalam pascaujian iaitu 47.70 berbanding 35.71 dalam praujian ini memberikan gambaran positif bahawa kursus LKM 400 ini adalah berkesan.

Pencapaian Keseluruhan Karangan Jenis Perbincangan Di Kalangan KPM Sebelum Dengan Selepas Pengajaran

S 5 : Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan Kumpulan Pelajar Melayu (KPM) dari segi keseluruhan karangan jenis perbincangan sebelum dengan selepas pengajaran ?

Jadual 4.5 : Perbezaan Antara Min Markah Keseluruhan Praujian dengan Pascaujian Bagi KPM

Markah	Min	Sisihan Lazim	Perbezaan Min	t	p
Keseluruhan 1	52.70	5.67	17.28	16.63	0.00
Keseluruhan 2	69.98	4.24			

Dalam Jadual 4.5, dapat dilihat hubungan antara praujian dengan pascaujian di kalangan KPM dari segi keseluruhan karangan jenis perbincangan. Perbezaan min antara praujian dengan pascaujian ialah 17.28. Nilai $t = 16.62$ dan nilai $p < 0.05$ menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua ujian ini. Min markah yang diperoleh oleh KPM bagi praujian ialah 52.70 dan bagi pascaujian ialah 69.98. Hal ini merupakan satu peningkatan yang boleh dibanggakan kerana secara puratanya Kumpulan Pelajar Melayu boleh mendapat gred A- bagi karangan jenis perbincangan ini. Secara keseluruhannya dapat dikatakan bahawa kursus LKM 400 nampaknya telah memberikan manfaat yang agak besar kepada Kumpulan Pelajar Melayu.

Pencapaian Dari Segi Isi Karangan Jenis Perbincangan Di Kalangan KPM Sebelum Dengan Selepas Pengajaran

S 6 : Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan KPM dari segi isi karangan jenis perbincangan sebelum dengan selepas pengajaran?

Jadual 4.6 : Perbezaan Antara Min Markah Isi Praujian dengan Pascaujian Bagi KPM

Markah	Min	Sisihan Lazim	Perbezaan Min	t	p
Isi 1	5.50	0.78	1.99	8.56	0.00
Isi 2	7.49	1.17			

Jadual 4.6 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara praujian dengan pascaujian bagi KPM dari segi isi karangan jenis perbincangan. Ini dapat dilihat daripada perbezaan min markah iaitu 1.99, nilai $t = 8.55$ dan nilai $p = 0.00$.

Hal ini membuktikan bahawa pencapaian pelajar dalam pascaujian adalah lebih baik daripada praujian iaitu pencapaian pelajar adalah lebih baik selepas pengajaran kursus LKM 400 dikendalikan selama 12 minggu. Akan tetapi peningkatan dari segi isi agak rendah bagi KPM ini. Hal ini mungkin disebabkan para pelajar kurang membaca akhbar dan mengambil berat tentang berita-berita semasa yang penting. Oleh itu, mereka tidak dapat membincangkan sesuatu tajuk itu dengan mendalam dan kritis kerana kurang pengetahuan tentang sesuatu tajuk itu.

Pencapaian Dari Segi Organisasi Karangan Jenis Perbincangan Di Kalangan KPM Sebelum Dengan Selepas Pengajaran

S 7 : Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan KPM dari segi organisasi karangan jenis perbincangan sebelum dengan selepas pengajaran ?

Jadual 4.7 : Perbezaan Antara Min Markah Organisasi Praujian dengan Pascaujian Bagi KPM

Markah	Min	Sisihan Lazim	Perbezaan Min	t	p
Organisasi 1	10.90	1.03	3.19	13.47	0.00
Organisasi 2	14.09	1.11			

Perbezaan min markah antara praujian dengan pascaujian = 3.19 , nilai t = 13.47 dan p < 0.05 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara praujian dengan pascaujian. Ini dapat dilihat pada jadual 4.7 di atas.

Dengan kata lain, KPM telah mendapat markah yang lebih tinggi dari segi organisasi dalam pascaujian berbanding praujian. Dapatan ini adalah hampir sama dengan dapatan yang dikemukakan oleh Abdul Jalil Othman (1997). Kajian Abdul Jalil menunjukkan bahawa antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan terdapat perbezaan yang signifikan dari segi pertautan ayat.

Pencapaian Dari Segi Bahasa Karangan Jenis Perbincangan Di Kulangan KPM Sebelum dengan Selepas Pengajaran

S 8 : Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan KPM dari segi bahasa karangan jenis perbincangan sebelum dengan selepas pengajaran ?

Jadual 4.8 : Perbezaan Antara Min Markah Bahasa Praujian dengan Pascaujian Bagi KPM

Markah	Min	Sisihan Lazim	Perbezaan Min	t	p
Bahasa 1	36.30	5.43	12.10	12.82	0.00
Bahasa 2	48.40	4.11			

Berasas kepada jadual 4.8 di atas, boleh dilihat bahawa min markah bagi praujian ialah 36.30 dan bagi pascaujian pula ialah 48.40. Ini menunjukkan bahawa pencapaian pelajar dari segi bahasa telah meningkat agak tinggi selepas kursus LKM 400 diberikan. Peningkatan ini boleh dilihat pada nilai perbezaan min iaitu 12.10 dan nilai t pula ialah 12.82. Nilai $p=0.00$ menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara praujian dengan pascaujian.

Pencapaian Dari Segi Keseluruhan Karangan Jenis Perbincangan Di Kalangan KPBM Sebelum dengan Selepas Pengajaran

S 9 : Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan KPBM dari segi keseluruhan karangan jenis perbincangan sebelum dengan selepas pengajaran ?

Jadual 4.9 : Perbezaan Antara Min Markah Keseluruhan Praujian dengan Pascaujian Bagi KPBM

Markah	Min	Sisihan Lazim	Perbezaan Min	t	p
Keseluruhan 1	51.43	5.69	16.51	12.76	0.00
Keseluruhan 2	67.94	5.32			

Jadual 4.9 menunjukkan bahawa perbezaan min antara praujian dengan pascaujian = 16.51, nilai $t = 12.76$ dan $p = 0.00$. Hal ini jelas memaparkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dari segi keseluruhan karangan jenis perbincangan di kalangan KPBM sebelum dengan selepas pengajaran kursus LKM 400 dikendalikan.

Jadual di atas juga menampakkan bahawa pelajar telah mencapai keputusan yang lebih baik dalam pascaujian berbanding praujian dan ini bermaksud kursus LKM 400 yang dikendalikan selama 12 minggu nampaknya telah memberikan kesan positif terhadap pencapaian pelajar dalam menulis karangan jenis perbincangan secara keseluruhannya..

Pencapaian Dari Segi Isi Karangan Jenis Perbincangan Di Kalangan KPBM Sebelum Dengan Selepas Pengajaran

S 10 : Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan KPBM dari segi isi karangan jenis perbincangan sebelum dengan selepas pengajaran ?

Jadual 4.10 : Perbezaan Antara Min Markah Isi Praujian dengan Pascaujian Bagi KPBM

Markah	Min	Sisihan Lazim	Perbezaan Min	t	p
Isi 1	5.68	0.69	1.55	7.66	0.00
Isi 2	7.22	1.04			

Berasaskan jadual 4.10 di atas, didapati bahawa min markah bagi praujian= 5.68 dan pascaujian = 7.22. Min markah yang diperoleh oleh pelajar Pusat Pengajian Kejuruteraan sebelum pengajaran adalah lebih rendah berbanding selepas pengajaran. Walau bagaimanapun, perbezaan min tidak begitu tinggi iaitu hanya 1.55. Nilai t= 7.66 dan nilai p = 0.00. Oleh itu, terdapat perbezaan yang signifikan antara praujian dengan pascaujian. Ini bermaksud, KPBM telah mencapai keputusan yang lebih baik selepas pengajaran kursus LKM 400 dikendalikan berbanding pencapaian sebelum pengajaran.

Pencapaian Dari Segi Organisasi Karangan Jenis Perbincangan Di Kalangan KPBM Sebelum Dengan Selepas Pengajaran

S 11 : Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan KPBM dari segi organisasi karangan jenis perbincangan sebelum dengan selepas pengajaran ?

Jadual 4.11 : Perbezaan Antara Min Markah Organisasi Praujian dengan Pascaujian Bagi KPBM

Markah	Min	Sisihan Lazim	Perbezaan Min	t	p
Organisasi 1	10.63	1.15	3.09	8.48	0.00
Organisasi 2	13.72	1.67			

Min markah bagi praujian = 10.63 dan min markah bagi pascaujian = 13.72. Ini dapat dilihat pada jadual 4.11 di atas. Selain itu, perbezaan min markah antara praujian dengan pascaujian dari segi organisasi = 3.09, nilai t = 8.48 dan p = 0.00. Nilai p < 0.05 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara praujian dengan pascaujian.

Dengan kata lain, pencapaian pelajar Bukan Melayu dari segi organisasi adalah lebih baik setelah pendedahan kursus LKM 400 diberikan. Hal ini mungkin disebabkan oleh kandungan kursus LKM 400 yang mengajar pelajar mengenai kaedah penulisan yang berkesan telah memberi manfaat kepada pelajar untuk menghasilkan pertautan ayat dalam karangan masing-masing.

Pencapaian Dari Segi Bahasa Karangan Jenis Perbincangan Di Kalangan KPBM Sebelum Dengan Selepas Pengajaran

S 12 : Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan KPBM dari segi bahasa karangan jenis perbincangan sebelum dengan selepas pengajaran ?

Jadual 4.12 : Perbezaan Antara Min Markah Bahasa Praujian dengan Pascaujian Bagi KPBM

Markah	Min	Sisihan Lazim	Perbezaan Min	t	p
Bahasa 1	35.13	5.31	11.88	10.31	0.00
Bahasa 2	47.00	4.64			

Jadual 4.12 menunjukkan bahawa perbezaan min markah antara praujian dengan pascaujian bagi KPBM dari segi bahasa ialah 11.88, nilai t = 10.31 dan p<0.05. Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara praujian dengan pascaujian di kalangan KPBM dari segi bahasa.

Dengan kata lain, pencapaian pelajar dalam pascaujian adalah lebih tinggi berbanding praujian dari segi bahasa. Hal ini menunjukkan bahawa pencapaian pelajar meningkat tinggi (perbezaan min = 11.88) selepas pengajaran kursus LKM 400 dijalankan.

Sebagai kesimpulannya, dapat dikatakan bahawa kursus LKM 400 (Bahasa Malaysia IV) nampaknya telah memberikan kesan positif terhadap mutu penulisan

karangan jenis perbincangan sama ada kepada Kumpulan Pelajar Melayu (KPM) ataupun kepada Kumpulan Pelajar Bukan Melayu (KPBM) dari segi keseluruhan, isi, organisasi dan bahasa. Keberkesanannya dapat dilihat pada perbezaan min markah antara praujian dengan pascaujian.